

Negara sentiasa bersiap sedia hadapi ancaman - Najib

KUANTAN 6 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, negara sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman di sebalik keamanan yang dinikmati sekarang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mana-mana negara yang tidak mempunyai keupayaan pertahanan yang utuh bakal menghadapi ancaman daripada dalam dan luar pada bila-bilamasa.

"Kerajaan menyedari perkara ini (pertahanan), malah ia merupakan prinsip ke-10 Islam Hadhari iaitu kepentingan mempunyai pertahanan yang utuh," katanya ketika berucap pada majlis terbuka puasa bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kem Batu 10, di sini, hari ini.

Hadir sama Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Panglima Medan Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Maksud Zainal Abidin.

Najib yang juga Menteri Pertahanan memberitahu, persediaan untuk sebarang kemungkinan adalah sesuatu yang tidak boleh dipandang ringan atau dipinggirkan oleh mana-mana pihak terutama anggota keselamatan.

Sementara itu, Najib berkata, anggota keselamatan yang sebelum ini dipilih bagi mengikuti latihan untuk menganggotai Pasukan Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Lebanon (Unifil) tetapi tidak

disenaraikan dalam misi itu diminta agar bersabar dan memahami situasi

Katanya, beliau memahami perasaan sesetengah anggota yang begitu berkobar-kobar untuk menyertai misi berkenaan tetapi gagal kerana PBB hanya membenarkan 360 anggota sahaja dari negara ini dan bukannya 1,000 seperti yang ditawarkan kerajaan.

Jelasnya, sebelum ini 800 anggota mekanis telah diarahkan bersiap sedia dan berlatih untuk misi itu tetapi hanya 50 yang mampu dihantar berdasarkan tawaran PBB.

Najib menambah, beliau yakin bahawa misi Unifil di Lebanon kelak tidak akan berlangsung untuk satu tahun sahaja tetapi kemungkinan besar dilanjutkan untuk tempoh yang lebih panjang seperti yang dilalui para pengaman di Bosnia dan Timor Leste sebelum ini.

"Mungkin akan ada pusingan kedua, ketiga dan seterusnya (penghantaran pengaman), saya harap mereka yang tidak terpilih untuk pusingan pertama ini bersabar, insya-Allah kita akan pertimbangkan untuk penghantaran akan datang," katanya.

Jelas beliau, tawaran untuk menyertai Unifil walaupun dalam jumlah yang agak kecil sebenarnya tetap mencerminkan keyakinan PBB ke atas keupayaan yang dimiliki oleh ATM.